

Sarawak tubuh jawatankuasa antara kerajaan kaji MA63

Malaysiakini

10 Oktober 2018

Kerajaan Sarawak akan menubuhkan jawatankuasa antara kerajaan (IGC), dianggotai anggota parlimen dan anggota dewan undangan negeri, untuk mengkaji semua aspek Perlembagaan Persekutuan dan Perjanjian Malaysia (MA63), kata Ketua Menteri Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg.

Beliau berkata jawatankuasa itu yang akan meneliti cadangan kerajaan persekutuan untuk meminda Perkara 1(2) Perlembagaan untuk mengembalikan status Sabah dan Sarawak sebagai rakan sekutu Semenanjung Malaysia, perlu bebas untuk mengkaji dan berinteraksi.

"Saya menghargai cadangan untuk meminda perlembagaan bagi mengembalikan kedudukan Sarawak (sebagai rakan sekutu)," katanya dan menurutnya IGC ini akan diselaraskan dengan model IGC asal yang ditubuhkan untuk melaporkan terma dan syarat yang telah dipersetujui ketiga-tiga negeri berdaulat untuk membentuk Persekutuan Malaysia.

"Saya fikir adalah lebih baik untuk kita melihat perkara ini secara konstruktif dan menyeluruh kerana terdapat Perkara 161B dalam perlembagaan yang perlu

diambil kira," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Pameran dan Persidangan Forum Air dan Air Sisa Borneo Keempat 2018 di Kuching, Sarawak hari ini.

Abang Johari berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Liew Vui Keong pada Ahad bahawa kerajaan akan meminda Perkara 1(2) Perlembagaan Persekutuan untuk mengembalikan status Sabah dan Sarawak sebagai rakan sekutu Semenanjung Malaysia.

Sebelum ini pada sambutan Hari Malaysia di Kota Kinabalu, Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad mengumumkan status Sabah dan Sarawak sebagai rakan sekutu Semenanjung Malaysia akan dikembalikan.

Cadangan itu memerlukan pindaan terhadap Perkara 125 Perlembagaan Persekutuan dan ia akan dibentangkan pada sesi Parlimen akan datang bersama-sama dengan pindaan terhadap Perkara 1(2) Perlembagaan Persekutuan.

Sementara itu, Abang Johari berkata kerajaan negeri telah memperuntukkan RM2.8 bilion untuk melaksanakan Program Grid Air Sarawak bagi Kawasan Tekanan Air Rendah untuk menyelesaikan secara efektif isu bekalan air dihadapi penduduk luar bandar dalam tempoh dua tahun akan datang.

Beliau juga mahu pembekal bahan terdiri daripada anak jati Sarawak diberi

keutamaan dalam pelaksanaan 247 projek yang telah dikenal pasti dan dijadual siap menjelang 2020.

Sejumlah 247 projek itu termasuk loji rawatan, sistem rangkaian pengagihan, kerja-kerja pembaikan, penggantian paip, pengurusan air tidak terhasil, inisiatif pemodenan dan Bekalan Air Alternatif Luar Bandar Sarawak (Sawas), katanya.

Turt hadir pada Pameran dan Persidangan Air dan Air Sisa Borneo Keempat 2018 itu ialah Menteri Utiliti Sarawak Datuk Seri Dr Stephen Rundi Utom dan Pengarah Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak Chang Kuet Shian.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <https://www.malaysiakini.com/news/446723>